


EcoWorld catat untung selepas cukai RM445j

Syarikat pemaju hartanah turut pecahkan rekod jualan tahunan RM4.55 bilion



Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Eco World Development Group Bhd (EcoWorld) menutup tahun kewangan 2025 dengan prestasi luar biasa apabila merekodkan keuntungan selepas cukai (PAT) melonjak 47 peratus kepada RM445 juta, paras tertinggi baharu dalam sejarah kumpulan itu.

Syarikat pemaju hartanah ternama itu turut memecahkan rekod jualan tahunan dengan mencatatkan angka RM4.55 bilion, sekali gus melepasi sasaran asal jualan tahun penuh tahun kewangan 2025 sebanyak 30 peratus.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld, Datuk Chang Khim Wah, berkata pencapaian berkenaan didorong oleh prestasi kukuh di semua segmen pasaran, terutama di wilayah Iskandar Malaysia yang menyumbang RM2.27 bilion atau 50

peratus daripada jumlah jualan keseluruhan kumpulan.

"Tahun kewangan 2025 adalah tahun memecahkan rekod bagi kami, dengan jualan RM4.55 bilion direkodkan dan PAT RM445 juta dicapai, kesemuanya adalah yang tertinggi dalam satu tahun kewangan," katanya dalam satu kenyataan mengenai keputusan kewangan suku keempat 2025.

Kekuatan kewangan EcoWorld turut disokong oleh penjana tunai yang mantap. Tunai bersih daripada aktiviti operasi meningkat kepada RM907.1 juta pada tahun kewangan 2025 berbanding RM890 juta tahun sebelumnya.

Menurut dokumen kewangan syarikat itu, baki tunai termasuk deposit kini mencecah rekod tertinggi sebanyak RM2.28 bilion. Kedudukan tunai yang kukuh ini memberikan kapasiti besar kepada EcoWorld untuk membiayai pelan pengembangan masa depan

serta pengambilalihan tanah baharu.

Jualan belum dibil kekal tinggi

Selain itu, jualan belum dibil syarikat kekal tinggi pada paras RM4.89 bilion setakat 31 Oktober 2025, yang menjamin kejelasan aliran tunai dan prospek pendapatan kumpulan untuk tempoh terdekat.

Dari segi segmen perniagaan, sektor perindustrian melalui Eco Business Parks dan QUAN-

TUM merekodkan pertumbuhan memberangsangkan dengan jualan gabungan RM1.22 bilion. Angka ini dipacu oleh urusan niaga tanah industri bernilai RM1.08 bilion kepada pemain industri terkemuka termasuk Microsoft Payments (Malaysia) Sdn Bhd dan Pearl Computing Malaysia Sdn Bhd.

Berita gembira turut dikongsi-kan kepada pelabur apabila Lembaga Pengarah EcoWorld meng-

isytiharkan dividen akhir sebanyak dua sen sesaham pada suku keempat.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan dividen bagi tahun kewangan 2025 sebanyak tujuh sen sesaham, pembayaran dividen tertinggi syarikat itu dalam satu tahun kewangan.

Melihat ke hadapan, EcoWorld menetapkan sasaran jualan sebanyak RM4 bilion bagi tahun kewangan 2026.

Sasaran ini akan disokong oleh pelancaran projek baharu termasuk Eco Business Park VII di Negeri Sembilan, usaha sama pertama kumpulan itu di wilayah berkenaan seluas 1,195 ekar.

Syarikat itu juga bakal melancarkan perbandaran baharu di Lembah Klang iaitu Eco Radiance di Semenyih dan Eco Business Park 8 di Kulai, Johor untuk terus mengukuhkan kedudukan pasaran.

Tahun kewangan 2025 adalah tahun memecahkan rekod bagi kami, dengan jualan RM4.55 bilion direkodkan dan PAT RM445 juta dicapai



Chang Khim Wah, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif EcoWorld